

10 OCT 2001

Mahathir-LIMA (Eagle)

DR MAHATHIR LANCAR PESAWAT PENINJAU BUATAN MALAYSIA

LANGKAWI, 10 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan pesawat peninjau Eagle buatan Malaysia (ARV) pada Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2001 (LIMA '01), di sini.

Pesawat komposit ringan itu dibina oleh syarikat milik kerajaan, Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM), di Melaka, secara usahasama dengan Excelnet Sdn Bhd dan BAe Systems dari United Kingdom.

Sistem elektronik dan peralatan berkaitan dibekalkan oleh BAe Systems manakala modifikasi pesawat dan sistem integrasi dijalankan secara usahasama oleh Excelnet, kejuruteraan rekabentuk tempatan dan BAe Systems, syarikat angkasalepas British.

Pesawat peninjau itu boleh digunakan untuk tujuan ketenteraan seperti mengesan serangan, pemantauan pergerakan tentera, pengawasan sempadan, pemantauan aktiviti pengganas dan pengumpulan maklumat perisikan.

Ia boleh digunakan untuk aplikasi bukan ketenteraan termasuk pengawasan pembakaran terbuka, pembalakan haram, lanun dan pergerakan pendatang tanpa izin.

Projek bernilai RM47 juta itu yang dibangunkan untuk Angkatan Tentera Malaysia, membabitkan tiga pesawat Eagle, stesen kawalan bumi dan stesen penerimaan penderiaan.

Pesawat dua tempat duduk dan sepanjang 6.4 meter itu boleh dipandu juruterbang atau tidak menggunakan juruterbang boleh terbang dengan kelajuan 120 knots dalam lingkungan 250 km. Ia boleh terbang tanpa henti sebelum mengisi semula minyak.

Sistem pengawasan dipasang di bawah pesawat yang membekalkan operator dengan pandangan 360 darjah yang tidak dihalang.

Stesen kawalan bumi dibina dalam sebuah treler mengandungi juruterbang dan imej masa nyata yang dikumpul oleh pesawat dan boleh diproses oleh stesen penerima penderiaan.

Dr Mahathir berkata pada masa ini hanya terdapat satu jenis UAV kecil.

Sambil mengimbas kembali bagaimana projek itu dimulakan, Dr Mahathir berkata Sir Charles Masefield (Pengarah Pemasaran Kumpulan BAe Systems) mencadangkan Eagle terbang tanpa menggunakan juruterbang.

Dr Mahathir berkata pesawat itu berguna sama ada semasa perang dan ketika aman.

Beliau mengucapkan tahniah kepada CTRM di atas pelaksanaan projek itu dan berharap syarikat terbabit dapat mengekalkan harga Eagle ARV yang rendah supaya lebih banyak negara boleh membelinya.

Dr Mahathir kemudiannya menyaksikan pertunjukan yang mengetengahkan keupayaan Eagle ARV yang diterbangkan tanpa juruterbang selama kira-kira 10 minit dan mengambil imej masa nyata dekat Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, tempat berlangsungnya segmen udara LIMA '01.

Yang turut hadir ialah Sultan Brunei, Sir Masefield dan Ketua Pegawai Eksekutif CTRM Tan Sri Dr Chen Lip Keong.

-- BERNAMA

JM LAT